

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1994/95

April 1995

HGG 451 Perancangan Pembangunan Wilayah

Masa: [3 jam]

---

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.**

Jawab EMPAT [4] soalan, DUA [2] soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

**BAHAGIAN A - Jawab DUA [2] soalan**

1. [a] Huraikan elemen-elemen penting teori pertumbuhan wilayah berdasarkan teori klasik baru. [15 markah]
- [b] Apakah implikasi polisi teori di atas dalam konteks pembangunan wilayah di negara membangun? [10 markah]
2. [a] Huraikan satu teori pertumbuhan wilayah yang menekankan peranan penting perubahan teknologi dalam proses pertumbuhan. [15 markah]
- [b] Pada pendapat anda, apakah teori berasaskan teknologi boleh dijadikan asas kepada usaha-usaha untuk memajukan wilayah terkebelakang di negara membangun. [10 markah]
3. [a] Jelaskan peranan faktor modal dan buruh dalam model ketidakseimbangan wilayah. [10 markah]

[b] Dengan merujuk kepada sebuah negara selain daripada Malaysia, apakah betul dan tepat bahawa masalah wilayah berpunca daripada kelembapan mobiliti kedua-dua faktor di atas?  
[15 markah]

4. 'Kewujudan perbezaan dalam tahap pertumbuhan ekonomi antara wilayah tidak boleh dianggap sebagai satu-satunya justifikasi bagi dasar kewilayahan'. Bincangkan justifikasi lain bagi campurtangan langsung kerajaan dalam pembangunan wilayah.  
[25 markah]

**BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan**

5. [a] Jelaskan strategi pembangunan wilayah yang dijalankan oleh Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA).  
[10 markah]

[b] Sejauh manakah ia telah dapat membantu mengatasi masalah kemunduran yang dihadapi oleh penduduk tempatan.  
[15 markah]

6. Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana berpotensi tinggi untuk merangsang pertumbuhan wilayah dari segi peningkatan pendapatan dan peluang pekerjaan di dalam sektor industri. Bincangkan pernyataan ini.  
[25 markah]

7. Hubungkait Desa-Bandar wajar diberikan keutamaan di dalam strategi pembangunan wilayah. Bincangkan kerelevannya dengan merujuk kepada negara-negara tertentu.  
[25 markah]

8. Dengan merujuk kepada contoh-contoh tertentu bincangkan kesan pengglobalan aktiviti ekonomi ke atas pembangunan wilayah di Malaysia.  
[25 markah]